CHIN LEE WAY

lwn.

NG WING HOUY & YANG LAIN

MAHKAMAH TINGGI MALAYA, MELAKA
ZULKIFLI BAKAR H
[GUAMAN SIVIL NO: 22-130-08-2011]
22 MEI 2013

PROFESION UNDANG-UNDANG: *Pengamal perubatan - Pendaftaran - Sama ada pendaftaran diperlukan - Defendan pertama menyediakan rawatan 'Induced Pluripotent Stem Cells' - Sama ada merupakan rawatan perubatan atau kosmetik - Sama ada perlu berdaftar sebagai pengamal perubatan - Sama ada defendan pertama tertakluk kepada kehendak s. 14 Akta Perubatan 1971 - Akta Perubatan 1971 ss. 14, 33*

TORT: *Kecuaian - Ganti rugi - Plaintif jatuh sakit akibat rawatan perubatan defendan - Defendan tidak layak memberikan rawatan - Sama ada plaintif boleh menuntut kos perubatan yang diakibatkan - Sama ada plaintif boleh menuntut ganti rugi untuk penderitaan kemerosotan kesihatan*

TORT: *Kecuaian - Kecuaian perubatan - Pengamal perubatan mahir - Tanggungjawab untuk berjaga-jaga - Defendan menyediakan rawatan 'Induced Pluripotent Stem Cells' (IPSC) - Plaintif jatuh sakit akibat rawatan defendan - Sama ada plaintif boleh menuntut ganti rugi - Defendan tidak layak memberikan rawatan IPSC - Defendan tidak mengetahui mengenai kandungan IPSC - Defendan gagal membuat pemeriksaan kesihatan ke atas plaintif sebelum rawatan - IPSC tidak diluluskan oleh Kementerian Kesihatan Malaysia - Sama ada cuai*

TORT: *Kecuaian - Pengenepian tanggungjawab - Plaintif jatuh sakit akibat rawatan perubatan defendan - Defendan tidak layak memberikan rawatan - Sama ada dokumen yang ditandatangani bagi mengenepikan tanggungjawab defendan boleh digunakan sebagai 'disclaimer'*

TORT: *Kecuaian - Kewajipan berjaga-jaga - Pengamal perubatan - Defendan menyediakan rawatan 'Induced Pluripotent Stem Cells' (IPSC) - Defendan tidak layak memberikan rawatan IPSC - Sama ada defendan mempunyai tanggungjawab untuk berjaga-jaga terhadap plaintif - Sama ada kemahiran dan pengetahuan defendan menimbulkan tanggungjawab berjaga-jaga*

TORT: *Kecuaian - Volenti non fit injuria - Plaintif jatuh sakit akibat rawatan perubatan defendan - Defendan tidak layak memberikan rawatan - Sama ada plaintif telah bersetuju dan menerima rawatan atas risikonya sendiri*

A ***TORT:*** *Subahat - Sama ada dibuktikan - Premis defendan ketiga digunakan oleh defendan pertama bagi menjalankan rawatan perubatan yang tidak sah - Defendan ketiga tidak mendapat apa-apa keuntungan atau faedah - Defendan ketiga tiada niat untuk menyebabkan kerugian kepada plaintif - Sama pengsubahatan dibuktikan*

B ***TORT:*** *Salah nyata - Taklimat dan risalah - Plaintif bersetuju menerima rawatan perubatan daripada defendan berdasarkan taklimat dan risalah defendan - Plaintif jatuh sakit akibat rawatan defendan - Sama ada plaintif didorong untuk menerima rawatan - Sama ada plaintif berhak menerima ganti rugi*

C Plaintif telah menghadiri taklimat mengenai satu rawatan 'Induced Pluripotent Stem Cells' (IPSC) ('rawatan tersebut') dan mendengar penerangan defendan pertama mengenai keistimewaan rawatan tersebut yang dikatakan boleh mengubati segala penyakit plaintif. Plaintif juga ada
D menerima *brochure* mengenai rawatan tersebut. Plaintif telah bersetuju menerima rawatan tersebut dengan bayaran RM53,000 yang dibuat kepada defendan kedua. Plaintif telah diminta untuk menerima rawatan tersebut di rumah defendan ketiga. Rawatan tersebut perlu diberikan kepada plaintif melalui enam dos suntikan secara berkala. Walau
E bagaimanapun, plaintif telah jatuh sakit dan menjadi lemah setelah menerima lima dos suntikan tersebut. Plaintif telah berhenti mengambil suntikan tersebut dan telah membawa tindakan ini bagi menuntut balik bayaran yang telah dibayar bagi rawatan tersebut, untuk ganti rugi bagi kos rawatan perubatan yang terpaksa diperolehi oleh plaintif akibat rawatan tersebut dan untuk ganti rugi am. Defendan ketiga didakwa
F kerana membenarkan premisnya digunakan oleh defendan pertama dan defendan kedua untuk memberikan rawatan tersebut.

Diputuskan (membenarkan tuntutan plaintif terhadap defendan pertama dan defendan kedua dan menolak tuntutan plaintif
G **terhadap defendan ketiga dengan kos):**

(1) Rawatan tersebut bukan hanya suatu rawatan kosmetik tetapi adalah rawatan perubatan bagi menyembuhkan penyakit-penyakit yang disebutkan. Maka, defendan pertama tertakluk kepada kehendak s. 14 Akta Perubatan 1971 ('Akta') yang mana dalam kes ini
H defendan pertama tidak berdaftar dan telah memberi rawatan tersebut kepada plaintif. Perbuatan defendan pertama yang tidak mempunyai Sijil Pengamal Perubatan menyalahi undang-undang di bawah s. 33 Akta. (perenggan 18 & 19)

I

(2) Defendan pertama tidak mengetahui mengenai kandungan IPSC dan tidak membuat pemeriksaan kesihatan ke atas plaintif sebelum menjalankan rawatan. Produk IPSC itu juga tidak mendapat kelulusan daripada Kementerian Kesihatan Malaysia atau otoriti kepenggunaan yang berkaitan di negara ini. Dalam situasi ini, defendan pertama mempunyai 'duty of care' terhadap plaintif untuk tidak secara melulu memberikan rawatan tersebut kepada plaintif sedangkan defendan pertama tidak mempunyai kompetensi untuk berbuat demikian. Defendan pertama tidak layak memberikan rawatan tersebut kepada plaintif. (perenggan 20 & 21)

(3) Pemilikan kemahiran dan pengetahuan defendan pertama adalah menimbulkan tanggungjawab defendan pertama kepada plaintif secara munasabah dan defendan pertama tidak boleh menyatakan bahawa defendan pertama tidak ada pengetahuan dan bergantung pada pembekal semata-mata; *Abdul Rahman Abdul Karim v. Abdul Wahab Abdul Hamid* (dirujuk). (perenggan 22)

(4) Taklimat telah diberikan kepada plaintif mengenai keistimewaan rawatan tersebut, risalah-risalah diedarkan dan dinyatakan bahawa defendan pertama adalah seorang doktor atau profesor. Begitu juga dengan bukti bahawa bapa defendan ketiga adalah penerima rawatan tersebut yang berpuas hati. Ini semua adalah faktor-faktor yang mendorong plaintif untuk bersetuju menerima rawatan yang ditawarkan oleh defendan pertama dan defendan kedua. Defendan pertama telah membuat salah nyataan. Oleh itu, defendan pertama dan kedua tidak boleh bergantung kepada pembelaan bahawa plaintif telah bersetuju dan dengan kerelaannya sendiri menerima rawatan tersebut di atas risikonya sendiri. Apa jua dokumen yang ditandatangani bagi mengenepikan tanggungjawab defendan pertama dan kedua adalah tidak boleh digunakan sebagai 'disclaimer'; *Kuthubul Zaman & Anor v. TJB Development Sdn Bhd & Anor* (dirujuk). (perenggan 23 & 24)

(5) Rawatan tersebut bukan sahaja gagal menyembuhkan penyakit yang dihidapi plaintif atau menambahkan kesihatannya malah menyebabkan kesihatan plaintif semakin merosot dan perlu dirawat di hospital. Maka, kos rawatan hospital yang perlu dibayar oleh plaintif mempunyai hubung kait dengan rawatan tersebut dan wajar dibayar balik kepada plaintif oleh defendan pertama dan kedua. (perenggan 25 & 26)

(6) Plaintif telah mengalami penderitaan kemerosotan kesihatan akibat daripada penerimaan rawatan IPSC yang perlu dipampas dengan ganti rugi yang hendaklah ditaksirkan. (perenggan 27)

(7) Defendan ketiga membenarkan premisnya digunakan oleh defendan pertama bagi menjalankan rawatan tersebut ke atas plaintif atas dasar kawan tanpa mendapat apa-apa keuntungan atau faedah. Ini adalah tidak memadai bagi menunjukkan subahat di bawah tort oleh defendan ketiga dengan perubatan defendan pertama dan kedua kerana defendan ketiga tidak merupakan pihak yang mempunyai kepentingan di dalam rawatan tersebut ke atas plaintif dan tidak ada bukti penglibatan di dalam niat untuk menyebabkan kerugian yang dialami oleh plaintif; *SCK Group Bhd & Anor v. Sunny Liew Siew Pang & Anor* (dirujuk); *Cheng Heng Guan & Ors v. Perumahan Forlim (Penang) Sdn Bhd & Ors* (dirujuk). (perenggan 28, 29, 30 & 31)

Kes-kes yang dirujuk:

Abdul Rahman Abdul Karim v. Abdul Wahab Abdul Hamid [1996] 2 CLJ 455 HC ***(dirujuk)***

Cheng Hang Guan & Ors v. Perumahan Farlim (Penang) Sdn Bhd & Ors [1994] 1 CLJ 19 HC ***(dirujuk)***

Kuthubul Zaman & Anor v. TJB Development Sdn Bhd & Anor [2010] 8 CLJ 529 CA ***(dirujuk)***

SCK Group Bhd & Anor v. Sunny Liew Siew Pang & Anor [2010] 9 CLJ 389 CA ***(dirujuk)***

Perundangan yang dirujuk:

Medical Act 1971, ss. 14, 33

Bagi pihak plaintif - Mohd Reeza; T/n Anandan Krishnan, Sahrihan & Partners

Bagi pihak pertama & kedua defendan - Priscilla Yap; T/n Priscilla PY Yap

Bagi pihak ketiga defendan - Andrew Wee; T/n Yap Koon Roy & Assoc

Dilaporkan oleh Amutha Suppayah

PENGHAKIMAN

Zulkifli Bakar H:

Latar Belakang

[1] Kes ini telah didengar sepenuhnya dengan plaintif memanggil dua orang saksi dan defendan memanggil tiga orang saksi serta beberapa ekshibit telah dikemukakan oleh kedua-dua pihak.

[2] Plaintif di dalam tindakan ini secara ringkas menyatakan bahawa defendan pertama dan defendan kedua telah memberikan rawatan kepadanya dan jatuh sakit dan defendan ketiga pula telah membenarkan premisnya digunakan oleh defendan pertama dan defendan kedua untuk memberikan rawatan tersebut, dengan itu memohon seperti berikut:

(a) Satu deklarasi bahawa defendan pertama tidak layak memberi rawatan perubatan;

(b) Bayaran RM53,000 yang telah dibuat oleh plaintif kepada defendan pertama untuk rawatan dikembalikan;

(c) Ganti rugi kos perubatan sejumlah RM14,876 yang dibayar oleh plaintif kepada pihak hospital;

(d) Ganti rugi kesakitan dan penderitaan, teladan dan keterlaluan;

(e) Faedah pada kadar 8% setahun di atas ganti rugi-ganti rugi yang dituntut itu mulai dari tarikh penghakiman sehingga penyelesaian penuh;

(f) Kos tindakan ini; dan

(g) Lain-lain jumlah dan relif.

[3] Secara ringkasnya pembelaan defendan ketiga adalah beliau tidak terlibat di dalam memberikan rawatan yang dilakukan oleh defendan pertama kepada plaintif dan tidak pernah memberi galakan atau dorongan kepada plaintif untuk menerima rawatan tersebut melainkan membenarkan defendan pertama menggunakan premisnya sebagai tempat diberikan rawatan kepada plaintif dan defendan pertama.

[4] Pembelaan defendan pertama dan defendan kedua pula menyatakan bahawa defendan pertama adalah pengarah syarikat defendan kedua dan telah mempunyai sijil daripada Switzerland untuk memberikan rawatan yang berkenaan. Defendan kedua adalah wakil pengedar tunggal di Malaysia untuk mengedar produk tersebut di Malaysia tanpa pelanggan perlu hadir di Switzerland untuk menerima rawatan tersebut. Produk itu dikenali sebagai "Induced Pluripotent Stem Cells" (IPSC) yang akan diberikan dalam bentuk tablet atau dos suntikan. Defendan kedua sebagai syarikat pengedar tunggal IPSC akan mengadakan promosi produk tersebut kepada pelanggan-pelanggannya yang mana defendan pertama akan membuat penyampaian taklimat dan promosi serta menjalankan rawatan kepada pelanggan yang bersetuju menerima rawatan dengan kadar bayaran yang ditetapkan.

[5] Defendan pertama dan defendan kedua menafikan tuntutan plaintif dan menyatakan plaintif telah menerima rawatan IPSC melalui suntikan dengan kerelaannya setelah menandatangani kontrak antara mereka dengan bayaran RM53,000. Plaintif dikatakan bersetuju menerima risiko dan melepaskan segala tanggungjawab defendan pertama dan defendan kedua kepada plaintif bagi pengambilan rawatan tersebut. Tindakan plaintif di bawah undang-undang tort tidak wajar dibuat di sini sebaliknya patut dibawa di bawah undang-undang kontrak.

[6] Selanjutnya defendan pertama dan defendan kedua mendakwa bahawa plaintif adalah individu yang telah tua dan telah tidak mempunyai keadaan kesihatan yang baik sebelum menerima rawatan tersebut. Rawatan tersebut bukanlah penyebab kepada plaintif jatuh sakit dan dimasukkan ke hospital.

[7] Defendan pertama, kedua dan ketiga memohon supaya tindakan plaintif ini ditolak dengan kos.

Fakta Kes

[8] Pada awal bulan Julai 2010, bapa defendan ketiga yang merupakan penerima rawatan IPSC telah berjumpa dengan plaintif (SP1) dan menceritakan mengenai rawatan yang diterimanya dan memaklumkan bahawa terdapat satu taklimat yang akan diadakan di Hotel Select Star, Jalan Gajah Berang, Melaka.

[9] Plaintif telah hadir di taklimat tersebut dan mendengar penerangan defendan pertama (SD2) mengenai keistimewaan rawatan perubatan melalui pengambilan IPSC yang dikatakan boleh mengubati segala penyakit plaintif dan boleh menjadikan plaintif lebih sihat dan kuat. Plaintif juga ada menerima brochure mengenai rawatan IPSC ini semasa menghadiri taklimat ini.

[10] Pada 30 Julai 2010 plaintif telah menghadiri taklimat kedua di tempat yang sama dan pada masa itu telah tertarik dengan rawatan IPSC serta bersetuju menerima rawatan dengan bayaran RM53,000 kepada defendan pertama yang mana bayaran dengan cek dibuat atas nama defendan kedua. Plaintif telah diminta untuk menerima rawatan tersebut di rumah defendan ketiga (SD1) yang beralamat di Kampung Tujuh, Bacang, Melaka yang tidak jauh daripada Hotel Select Star tersebut. Rawatan yang akan diberikan kepada plaintif adalah melalui enam dos suntikan secara berkala dan pada tarikh tersebut defendan pertama telah memberikan suntikan IPSC yang pertama kepada plaintif.

[11] Tiga minggu kemudian, plaintif telah menerima suntikan kedua yang diberikan oleh defendan pertama di rumah defendan ketiga dan tiga minggu kemudian plaintif menerima suntikan ketiga di tempat yang sama. Selepas itu pada 23 September 2010 di tempat yang sama plaintif telah diberikan suntikan keempat.

[12] Selepas suntikan keempat ini plaintif telah jatuh terlantar sakit dan terpaksa dimasukkan ke wad Hospital Mahkota Medical Centre, Melaka pada 8 Oktober 2010.

[13] Semasa di wad hospital defendan pertama telah pergi berjumpa plaintif di sana dan memberikan suntikan kelima tanpa pengetahuan dan kebenaran pihak hospital.

[14] Selepas tiga minggu plaintif keluar dari hospital, plaintif telah dipanggil untuk ke rumah defendan ketiga bagi menerima suntikan keenam iaitu yang terakhir tetapi plaintif telah enggan pergi untuk menerima rawatan tersebut.

[15] Pada 27 Disember 2010 plaintif telah sekali lagi dimasukkan ke dalam wad hospital yang sama kerana jatuh sakit dan kini keadaan plaintif adalah semakin lemah daripada sebelum menerima rawatan IPSC dan jatuh sakit.

Isu-Isu

Sama Ada Defendan Pertama Adalah ... Kepada Defendan Kedua

[16] Perkara ini tidak dapat dipertikaikan kerana defendan pertama mengakui bahawa beliau adalah pengarah syarikat defendan kedua yang telah mempromosikan produk yang diperolehi oleh defendan kedua daripada pembekal di Hong Kong.

Sama Ada IPSC Adalah Satu Rawatan Perubatan Atau Kosmetik/ Sampingan/Produk Kesihatan

[17] Berdasarkan keterangan daripada saksi-saksi daripada SP1, SP2 dan SD2 mahkamah ini mendapati bahawa taklimat yang diberikan dan disokong dengan brochure (P4) yang diedarkan kepada pelanggan-pelanggan termasuk plaintif adalah memberi gambaran bahawa IPSC merupakan kaedah yang mampu menyembuhkan kebanyakan penyakit seperti yang dinyatakan iaitu:

> ... has the potential to cure Parkinson's disease, dementia, ... autoimmune disease etc. (muka surat 21 eksibit P4)

Malah kaedah ini juga boleh,

> ... to repair damaged tissues or organs. For instance, to cure myopia or eyeball injuries, the eye will recover once IPSC is administered. (muka surat 23, P4).

[18] Oleh yang demikian saya tidak bersetuju dengan hujahan pembelaan bahawa kaedah IPSC hanyalah suatu rawatan kosmetik. Ianya dengan jelas menyatakan serta rawatan perubatan bagi tujuan menyembuhkan penyakit-penyakit yang disebutkan serta lain-lain penyakit yang dihidapi oleh pelanggan atau bakal pelanggan termasuk plaintif.

Adakah Defendan Pertama Layak Memberikan Rawatan IPSC Kepada Plaintif?

[19] Berdasarkan keterangan defendan pertama (SD2) sendiri bahawa beliau adalah pengarah syarikat defendan kedua dan mempunyai sijil sebagai pengamal perubatan di bawah Akta Perubatan 1971. Walaupun beliau dikatakan sebagai seorang individu yang berkecimpung dan dikurniakan kedoktoran Biotech yang digelar "profesor" atau "doktor" oleh plaintif tetapi defendan pertama masih tertakluk kepada kehendak s. 14, Akta Perubatan 1971 yang mana di dalam kes ini defendan pertama adalah tidak berdaftar dan telah memberi rawatan IPSC kepada plaintif. Perbuatan defendan pertama yang tidak mempunyai sijil pengamal perubatan ini telah menyalahi undang-undang di bawah s. 33, Akta yang sama.

[20] Selanjutnya berdasarkan keterangan adalah didapati defendan pertama tidak mengetahui mengenai kandungan IPSC dan tidak membuat pemeriksaan kesihatan ke atas plaintif sebelum rawatan dijalankan olehnya. Lagi pula produk IPSC ini tidak mendapat kelulusan daripada Kementerian Kesihatan Malaysia atau autoriti kepenggunaan yang berkaitan di dalam negara ini.

[21] Di dalam situasi ini saya berpendapat bahawa defendan pertama mempunyai "duty of care" terhadap plaintif tidak boleh secara melulu memberikan rawatan kepada plaintif sedangkan defendan pertama tidak mempunyai kompetensi untuk berbuat demikian. Dengan itu defendan pertama tidak layak memberikan rawatan IPSC kepada plaintif.

[22] Saya bersetuju dengan penghakiman yang diberikan di dalam kes *Abdul Rahman Abdul Karim v. Abdul Wahab Abdul Hamid* [1996] 2 CLJ 455 terpakai di sini mengenai isu pemilikan kemahiran dan pengetahuan defendan pertama adalah menimbulkan tanggungjawab defendan pertama kepada plaintif secara munasabah dan defendan pertama tidak boleh menyatakan bahawa defendan pertama tidak ada pengetahuan dan bergantung pada pembekal semata-mata.

Sama Ada Defendan Pertama Telah Memberikan Suatu Representasi Kepada Plaintif Bahawa Ada Jaminan Terhadap Kesan Rawatan IPSC

[23] Seperti yang dinyatakan tadi taklimat telah diberikan kepada plaintif mengenai keistimewaan rawatan IPSC, risalah-risalah yang diedarkan dan tidak kurangnya dinyatakan bahawa defendan pertama adalah seorang doktor atau professor. Begitu juga dengan bukti bahawa bapa defendan ketiga adalah penerima rawatan yang berpuas hati.

[24] Ini semua adalah faktor-faktor yang mendorong plaintif untuk bersetuju menerima rawatan yang ditawarkan oleh defendan pertama dan defendan kedua. Representasi secara lisan ini yang mana plaintif telah terpengaruh dan setelah menerima rawatan yang berkesan menyebabkan kesihatan plaintif semakin merosot menunjukkan bahawa defendan pertama telah membuat salah nyataan. Oleh yang demikian, defendan pertama dan defendan kedua tidak boleh bergantung kepada pembelaan bahawa plaintif telah bersetuju dan dengan kerelaannya sendiri menerima rawatan IPSC di atas risikonya sendiri. Apa jua dokumen yang ditandatangani bagi mengenepikan tanggungjawab defendan pertama dan defendan kedua adalah tidak boleh digunakan sebagai "disclaimer" (lihat kes *Kuthubul Zaman & Anor v. TJB Development Sdn Bhd & Anor* [2010] 8 CLJ 529 CA).

Sama Ada Kos Rawatan RM14,876.60 Yang Dituntut Oleh Plaintif Di Sini Ada Hubung Kait Daripada Akibat Penerimaan Rawatan IPSC Yang Diberikan Oleh Defendan Pertama

[25] Walaupun terdapat keterangan bahawa plaintif sebelum ini pernah mengalami penyakit TB tetapi telah sembuh. Namun selepas menerima rawatan IPSC ini penyakit tersebut telah aktif semula. Walau apa pun, keterangan menunjukkan bahawa di atas pernyataan daripada SD1 itu plaintif telah menerima empat suntikan IPSC yang mana kesihatan semakin merosot dan jatuh terlantar sakit serta terpaksa masuk wad. Semasa di wad, defendan pertama terus memberikan satu lagi suntikan yang kelima yang menyebabkan plaintif sekali lagi jatuh sakit dan masuk wad semula, semua ini menjurus kepada satu rumusan iaitu rawatan IPSC bukan sahaja gagal menyembuhkan penyakit yang dihidapi plaintif atau menambahkan kesihatannya malah menyebabkan kesihatan plaintif semakin merosot dan perlu dirawat di hospital.

[26] Kos rawatan hospital yang perlu dibayar oleh plaintif mempunyai hubung kait dengan rawatan IPSC dan wajar dibayar balik kepada plaintif oleh defendan pertama dan defendan kedua.

Sama Ada Plaintif Telah Mengalami Penderitaan Kemerosotan Kesihatan Akibat Daripada Penerimaan Rawatan IPSC Yang Perlu Dipampas

[27] Mahkamah ini memberi jawapan kepada persoalan ini secara positif dan ganti rugi yang berkaitan tuntutan ganti rugi am ini hendaklah ditaksirkan di hadapan Timbalan Pendaftar/Penolong Kanan Pendaftar dan award yang bakal diberikan hendaklah bergantung pada keterangan yang akan dikemukakan di dalam pendengaran taksiran tersebut.

Sama Ada Defendan Ketiga Juga Adalah Bertanggungan Terhadap Liabiliti Defendan Pertama Dan Defendan Kedua Atas Dasar Pengsubahatan Tort

[28] Keterangan yang ada di dalam kes ini adalah bahawa tindakan defendan ketiga yang membenarkan premisnya digunakan oleh defendan pertama bagi menjalankan rawatan IPSC ke atas plaintif atas dasar kawan tanpa mendapat apa-apa keuntungan atau faedah darinya.

[29] Di sisi undang-undang saya berpendapat pembuktian ini adalah tidak memadai bagi menunjukkan pengsubahatan tort oleh defendan ketiga dengan perubatan defendan pertama dan defendan kedua kerana defendan ketiga tidak merupakan pihak yang mempunyai kepentingan di dalam rawatan IPSC ke atas plaintif dan tidak ada bukti penglibatan di dalam niat untuk menyebabkan kerugian yang dialami oleh plaintif malah defendan ketiga tidak boleh dikatakan mengetahui akibat buruk yang ada dalam rawatan IPSC yang diberikan kepada plaintif.

[30] Meneliti kes *SCK Group Bhd & Anor v. Sunny Liew Siew Pang & Anor* [2010] 9 CLJ 389, saya berpendapat tidak ada "... act" oleh defendan ketiga untuk menyebabkan kerugian yang dialami oleh plaintif.

[31] Sebaliknya saya lebih bersetuju dengan keputusan di dalam kes *Cheng Hang Guan & Ors v. Perumahan Farlim (Penang) Sdn Bhd & Ors* [1994] 1 CLJ 19; [1993] 3 MLJ 352 yang mana plaintif di dalam kes ini telah gagal memenuhi syarat-syarat yang dibentangkan bagi membolehkan plaintif untuk layak mendapat ganti rugi-ganti rugi sama ada khas atau ganti rugi am yang dituntut di dalam kes ini.

[32] Oleh itu tuntutan plaintif terhadap defendan ketiga adalah ditolak.

Kesimpulan

[33] Tuntutan plaintif terhadap defendan pertama dan defendan kedua adalah dibenarkan seperti yang dituntut di dalam penyata tuntutannya. Sementara itu ganti rugi am yang dituntut hendaklah ditaksirkan.

[34] Tuntutan plaintif terhadap defendan ketiga adalah ditolak dengan kos sejumlah RM10,000.

[35] Terhadap defendan pertama dan defendan kedua pula kos dibenarkan kepada plaintif sejumlah RM20,000.